

Penduduk gesa kaji sistem elak banjir

Bencana kerap rosakkan tanaman

KAMPUNG JENJARUM – Penduduk Jalan Masjoyo, di sini meminta pihak bertanggungjawab mengkaji sistem perparitan di kawasan berkenaan.

Seorang penduduk, Ngasri Kastor, 70, berkata, walaupun sebahagian besar kawasan lain tiada masalah, tetapi mereka berharap perhatian diberikan kepada jalan itu yang didakwa masih menghadapi masalah saluran tidak bersistematik.

“Apabila hujan lebat, kawasan tersebut mudah dinaiki air sehingga menjejaskan pengaliran.

“Selain itu, beberapa kebun turut dilanda masalah kesan banjir kecil ini sehingga merosakkan tanaman penduduk setempat,” katanya kepada Sinar Harian.

Ngasri berkata, sebelum ini beliau memaklumkan perkara berke-

“Apabila hujan lebat, kawasan tersebut mudah dinaiki air sehingga menjejaskan pengaliran. Selain itu, beberapa kebun turut dilanda masalah kesan banjir kecil ini sehingga merosakkan tanaman penduduk setempat.”

■ Ngasri Kastor



naan kepada pihak bertanggungjawab, tetapi masih tiada tindakan.

Menurutnya, beliau akan memanjangkan perkara tersebut kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam usaha mengelakkan masalah air melimpah berulang.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Jenjarum, Ma'min, berkata, beliau sudah memanjangkan perkara tersebut kepada pihak berkenaan, sekali gus turut menggesa penyelenggaraan perparitan dibuat dengan baik.

Menurutnya, ini kerana ia juga membantu melancarkan perjalanan



■ MA'MIN

air di setiap kawasan kampung.

“Saya juga berharap pemantauan daripada semua pihak termasuk jawatankuasa kampung supaya penduduk lebih selesa,” katanya.

HEBAHKAN
Aktiviti Komuniti Anda
Hubungi
Sinar Harian